

NOTICE & CHOICE PRINCIPLE STATEMENT

As our prospective and current employee of the Alliance Bank, we respect your privacy & understand your expectation towards us in ensuring your personal data is protected, respected & safeguarded. For the purposes of this Notice, "Alliance Bank" herein shall refer to Alliance Bank Group which also includes its holding company & wholly owned subsidiaries.

Alliance Bank reserves the right to amend this Notice from time to time. We advise that you check this Notice on a regular basis for updates and changes.

In accordance with the Personal Data Protection Act 2010 ("PDPA") and in continuing our efforts to ensure that your personal data is protected at all times, we have come up with this Notice & Choice Principle statement as part our commitment to offer you a conducive and trustworthy working environment in line with our core values:-

Applicability

This Statement is applicable to all prospective and current employees within the Alliance Bank.

Collection of Your Data

Your personal data such as your name, address, e-mail address (or other contact information), NRIC, age, gender, personal financial details and securities dealings, details of directorship or shareholding, education background, employment history, resume, results of employment checks as well as other such data associated for job application are collected through various methods. This may include:-

- Personal data which are directly/voluntarily provided by you when you apply for employment with the Alliance Bank or from time to time;
- Personal data which are available in the public domain or when you visit our website;
- From third parties such as credit reporting agencies, law enforcement agencies and other government entities, healthcare professionals, recruitment agencies, referees; and
- Information captured in the human resource system and/or security system including the CCTV.

In some instances, we may also require you to furnish us with sensitive personal date such as physical or mental health or condition, religious belief or other beliefs of a similar nature, commission or alleged commission of any offence for recruitment process or to manage your ongoing employment.

In the event you choose not to furnish us with any of the requested information, we may not be able to consider you for employment with Alliance Bank or it may affect your ability to enjoy the benefits of your employment with Alliance Bank which may result in the inability of Alliance Bank to perform its obligations under any potential or existing employment contract.

Usage of Your Data

We will use your personal data in general administrative and human resource related processes which may include the following purposes:

- To assess and evaluate your application for employment including pre-employment checks;
- To administer & manage all aspects of an employee's employment relationship including but not limited to benefits, payroll, training, development, performance appraisal, promotions, medical leaves
- To communicate to you on other employment opportunities within Alliance Bank
- To provide you with information on products and services offered by us and our business partners
- To comply with regulatory requirements and provide assistance to law enforcement agencies;
- For all other purposes in relation or incidental to the above

Disclosure of Your Information

Whilst we do not disclose your information to any third parties unless it is within the ambit of permitted disclosures under the prevailing laws/guidelines and/or you have consented to such disclosure, we may disclose your information to certain categories of parties as listed below:

- Third party/ external service providers providing services for outsourced function of human resource related process in and outside of Malaysia;

- Agents or affiliates or professional association acting on our behalf or appointed in providing training, employee benefits, insurance, conducting surveys etc
- To other departments and/or units within Alliance Bank, other companies in Alliance Bank, our affiliates for the purposes of keeping you abreast with latest marketing and promotional offers which may be of interest to you;
- Regulatory, government bodies or other authorities if required or authorized to do so to discharge any regulatory function under any law or in relation to any order or judgment of a court; and
- To our professional advisors including lawyers, accountant, auditors on a need to know basis for the purposes of providing their services/advises to us
- To persons validating, administering your application for employment including employment recruitment agencies
- To facilitate your request/dealings in respect of the credit facilities, accounts, products and/or services with any financial institution;

Rest assured that the Bank will ensure that reasonable steps are taken by the above categories of parties to protect or maintain confidentiality of your information disclosed to them.

Retention of personal data

For prospective employees, we may retain unsuccessful application and all other related documents thereto furnished to Alliance Bank for a longer period to match your skills for future job opportunities. Please let us know if you do not wish for us to retain your information for this purpose.

In the event you are employed by Alliance Bank, we may continue to retain your data even if you have ceased employment to fulfill legal, contractual or regulatory obligations.

Existing Employee

By you voluntarily providing us with your personal data, you are consenting for the Alliance Bank to use of it in accordance with this Notice & Choice Principal Statement.

Access & Correction of your data

You may enquire and raise any concerns or request for access to your personal information and request for the said information to be updated/corrected if you deemed it incorrect or outdated.

All request must be made in writing and addressed to:-

EmployeeServices@alliancecfg.com

PENYATA NOTIS & PILIHAN DASAR

Sebagai bakal dan kakitangan semasa Alliance Bank, kami menghormati kerahsiaan anda & memahami jangkaan anda terhadap kami dalam memastikan data peribadi anda dilindungi, dihormati & dijaga. Bagi tujuan Notis ini, dengan ini "Alliance Bank" akan merujuk kepada Alliance Bank Group yang juga termasuk syarikat pemegangan dan subsidiari-subsidiari milik penuhnya.

Alliance Bank berhak mengubah Notis ini dari semasa ke semasa. Kami menasihatkan anda supaya memeriksa Notis ini secara berkala untuk kemas kini dan perubahan.

Menurut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("PDPA") dan dalam meneruskan usaha kami untuk memastikan data peribadi anda dilindungi setiap masa, kami mengeluarkan penyata Notis & Pilihan Dasar sebagai sebahagian daripada komitmen kami untuk menawarkan anda persekitaran bekerja yang kondusif dan boleh dipercayai selaras dengan nilai teras kami:-

Kebolehgunaan

Penyata ini diguna pakai kepada semua bakal atau kakitangan semasa dalam Alliance Bank.

Pengumpulan Data Anda

Data peribadi anda seperti nama, alamat, alamat e-mel (atau maklumat perhubungan lain), nombor KP, umur, jantina, butiran kewangan peribadi dan urus niaga saham, butiran jawatan sebagai pengarah atau pegangan saham, latar belakang pendidikan, sejarah pekerjaan, resume, keputusan

pemeriksaan pekerjaan serta data lain yang berkaitan dengan permohonan pekerjaan dikumpulkan melalui pelbagai kaedah. Ini termasuklah:-

- Data peribadi yang diberikan secara langsung/dengan rela oleh anda apabila anda memohon bekerja dengan Alliance Bank atau dari semasa ke semasa;
- Data peribadi yang terdapat dalam domain awam atau apabila anda melayari laman web kami;
- Daripada pihak ketiga seperti agensi pelaporan kredit, agensi penguat kuasa undang-undang dan entiti kerajaan yang lain, profesional penjagaan kesihatan, agensi pengrekrutan, perujuk
- Maklumat yang disimpan dalam sistem sumber manusia dan/atau sistem keselamatan termasuk CCTV

Dalam sesetengah keadaan, kita juga mungkin memerlukan anda memberi data peribadi yang sensitif seperti kesihatan atau keadaan fizikal atau mental, kepercayaan agama atau kepercayaan lain yang serupa, melakukan atau dituduh melakukan sebarang kesalahan bagi proses pengambilan bekerja atau untuk menguruskan penggajian yang sedang berlangsung.

Sekiranya anda memilih untuk tidak mendedahkan sebarang maklumat yang diminta, kami mungkin tidak boleh memproses permohonan anda atau mempertimbangkan anda untuk bekerja dengan Alliance Bank.

Penggunaan Data Anda

Kami akan menggunakan data peribadi anda dalam proses yang berkaitan dengan pentadbiran am dan sumber manusia, yang mungkin termasuk tujuan berikut:

- Untuk menilai dan mengkaji permohonan pekerjaan anda termasuk pemeriksaan pra-penggajian; Untuk mentadbir & mengurus semua aspek perhubungan penggajian kakitangan termasuk tetapi tidak mengehadkan manfaat, gaji, latihan, pembangunan, penilaian prestasi, kenaikan pangkat, cuti sakit
- Untuk berkomunikasi dengan anda tentang peluang-peluang penggajian lain dalam Alliance Bank
- Untuk memberi anda maklumat tentang produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh kami dan/atau rakan niaga kami
- Untuk mematuhi keperluan undang-undang dan memberi bantuan kepada agensi penguat kuasa undang-undang;

Untuk semua tujuan lain yang berkaitan dengan apa yang tersebut di atas

Pendedahan Maklumat Anda

Kami tidak mendedahkan maklumat anda kepada mana-mana pihak ketiga melainkan dalam lingkungan pendedahan yang dibenarkan di bawah undang-undang/garis panduan yang dikuatkuasakan dan/atau anda telah memberi kebenaran untuk pendedahan yang sedemikian, kami mungkin akan mendedahkan maklumat anda kepada sesetengah kategori pihak yang tersenarai di bawah:

- pihak ketiga/penyedia perkhidmatan luar bagi khidmat luar untuk proses berkaitan fungsi sumber manusia di dalam dan di luar Malaysia;
- Agen atau ahli gabungan atau persatuan profesional bertindak bagi pihak kami atau dilantik untuk memberi latihan, manfaat kakitangan, insurans, menjalankan kajian, dan lain-lain lagi;
- Kepada jabatan lain dan/atau unit-unit di dalam Alliance Bank, syarikat lain dalam Alliance Bank, ahli gabungan kami bagi tujuan memberi anda maklumat tentang tawaran pemasaran dan promosi terkini yang mungkin menarik minat anda;
- Badan-badan penguat kuasa, kerajaan atau pihak berkuasa lain sekiranya diperlukan atau diberi kuasa untuk berbuat demikian bagi melaksanakan sebarang fungsi kawal selia di bawah mana-mana undang-undang atau yang berkaitan dengan mana-mana arahan atau penghakiman mahkamah; dan
- Kepada penasihat profesional kami termasuk peguam, akauntan dan juru audit atas keperluan bagi tujuan memberi perkhidmatan/nasihat mereka kepada kami
- Kepada mereka yang mengesahkan dan mentadbir permohonan anda untuk penggajian termasuk agensi pengrekrutan
- Untuk memudahkan permohonan/urusan anda berkaitan kemudahan kredit, akaun, produk dan/atau perkhidmatan dengan mana-mana institusi kewangan;

Anda boleh yakin bahawa Bank akan memastikan langkah-langkah yang wajar diambil oleh kategori pihak yang tersebut di atas untuk melindungi atau mengekalkan kerahsiaan maklumat anda yang didedahkan kepada mereka.

Menyimpan data peribadi

Bagi calon pekerja, kami mungkin akan menyimpan permohonan yang tidak berjaya dan semua dokumen berkaitan yang lain untuk diberikan kepada Alliance Bank untuk tempoh yang lebih lama bagi memadankan kemahiran anda dengan peluang pekerjaan pada masa hadapan. Sila maklumkan kepada kami sekiranya anda tidak mahu kami menyimpan maklumat anda bagi tujuan tersebut.

Sekiranya anda bekerja dengan Alliance Bank, kami mungkin akan terus menyimpan data anda walaupun selepas anda tidak lagi bekerja dengan kami bagi memenuhi obligasi perundangan, kontrak atau kawal seliaan.

Kakitangan Sedia Ada

Dengan memberi data peribadi anda secara rela kepada kami, anda telah membenarkan Alliance Bank menggunakan data tersebut menurut Penyata Notis & Pilihan Dasar.

Akses & Pembetulan data anda

Anda boleh mengemukakan pertanyaan dan/atau aduan dan/atau memohon akses kepada maklumat peribadi serta memohon supaya maklumat tersebut dikemas kini/dibetulkan sekiranya anda merasakannya maklumat tersebut adalah salah atau lapuk.

Semua permohonan hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar kepada:-
EmployeeServices@alliancefg.com
